

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Lebih 10,000 kes kesihatan dilaporkan di PPS

Tumpat: Lebih 10,000 kes kesihatan dikesan dalam kalangan mangsa banjir yang berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) membabitkan enam negeri yang terjejas banjir setakat semalam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berka-

ta sebanyak 6,730 kes jangkitan pernafasan akut (ARI); jangkitan kulit (3,021); Acute Gastroenteritis atau radang usus (298); konjunktivitis atau sakit mata (190); kes cacar air (20) serta 13 untuk kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dikesan.

"Bagaimanapun tiada wabak

penyakit berjangkit dilaporkan dialami di PPS dan semua kes penyakit berjangkit adalah sporadik dan stabil," katanya selepas meninjau PPS Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Tumpat di sini, semalam.

Beliau yang diiringi Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr

Zaini Hussin, sambil menyantuni 1,341 mangsa banjir membabitkan 336 keluarga yang masih berindung di situ.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, sebanyak 121 fasiliti kesihatan turut terjejas akibat banjir yang melanda membabitkan 56 klinik desa, klinik kesihatan

(34), klinik pergigian (19), pejabat kesihatan daerah (5), hospital (6) dan pintu masuk antarabangsa (1).

Katanya lagi, Kelantan mencatatkan angka paling tinggi, iaitu 77 diikuti Terengganu (30) dengan nilai kerugian dianggarkan mencecah RM6.5 juta

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Sultan Nazrin rasmi sambutan Jubli Emas Hospital Fatimah

Ipoh: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersama Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berangkat ke Majlis Sambutan Jubli Emas Hospital Fatimah, di sini, semalam.

Keberangkatan tiba baginda disambut Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarami Mohamad; Pengerusi Lembaga Pengarah Hospital Fatimah, Datuk Michael Cheah dan Pengarah Perubatan Hospital Fatimah, Dr Liaw Kok Toon.

Dr Kok Toon berkata, sejak mula beroperasi dari 1974, Hospital Fatimah menyediakan hampir 30 perkhidmatan kepakaran dan subkepakaran kesihatan

serta pelbagai perkhidmatan pembedahan dengan dilengkapi 236 katil.

Katanya, hospital itu mempunyai 641 kakitangan, disokong aset perubatan terkini.

"Hospital Fatimah mengamalkan inisiatif untuk menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bertujuan memberi perkhidmatan kesihatan kepada lebih ramai rakyat.

"Hospital Fatimah akan memberi perkhidmatan *magnetic resonance imaging*, *cardiac computer tomography scan* dan *ultrasound* kepada pesakit hospital KKM, bagi membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan

dan mengurangkan masa menunggu janji temu," katanya.

Hospital Fatimah bermula pada 1952 apabila Congregation of Brothers of Mercy pertama kali tiba di Tanah Melayu.

Pada awalnya, mereka menyediakan perkhidmatan perubatan asas kepada penduduk kampung di daerah Kinta dan Province Wellesley (kini Seberang Perai) di bawah Catholic Welfare Services dengan masyarakat tempatan menggelar mereka sebagai 'Doktor Jerman'.

Perasmian Hospital Fatimah disempurnakan oleh Sultan Perak ke-33, Sultan Idris Iskandar Shah II pada Disember 1974.



Sultan Nazrin dan Tuanku Zara Salim diiringi Michael berkenan melawat pameran selepas baginda merasmikan Majlis Sambutan Jubli Emas Hospital Fatimah, di Ipoh, semalam.
(Foto L. Manimaran/BH)

'Kejadian MA pukul doktor kes serius'

Kementerian Kesihatan tunggu hasil siasatan untuk tindakan lanjut

Oleh Siti Rohana Idris
bhnnews@bh.com.my

Tumpat: Kejadian doktor dipukul penolong pegawai perubatan lelaki di Hospital Gerik tidak boleh dipandang ringan walaupun dianggap kes terpencil.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pihaknya masih menunggu hasil siasatan sebelum tindakan lanjut diambil.

"Ia tidak jejas imej perkhidmatan kesihatan kerana kes sebegini timbulnya sesekali tapi kita tak boleh ambil ringan.

"Kes ini masih dalam siasatan dan selepas itu kita akan tubuhkan panel siasatan kita juga seperti sekarang sudah ada satu panel bebas yang dipimpin Tan Sri Borhan Dollah, yang buat siasatan.

"Yang pasti, kita akan dengar dulu dapatan siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan akan disusuli dengan tindakan," katanya dalam selepas meninjau pusat pemindahan sementara

(PPS) di Maktab Rendah Sains MARA (MRSMS) Tumpat, di sini, semalam.

Sebelum ini, seorang pengguna Facebook bernama Aidid Nawawi Ghazali yang juga seorang doktor, mendakwa dipukul sebanyak sembilan kali oleh seorang penolong pegawai perubatan.

Doktor itu mendakwa kejadian berkenaan berlaku ketika beliau merawat seorang pesakit wanita yang cedera akibat diserang.

Isu kain seragam jururawat

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, keputusan analisis sampel kain pakaian seragam jururawat yang didakwa tidak mematuhi spesifikasi hampir selesai.

Katanya, KKM belum boleh mengambil tindakan lanjut selagi keputusan itu belum diperolehi.

"Kita tak boleh ambil tindakan termasuk kepada syarikat pembekal selagi belum ada (keputusan) dan akan putus secara tuntas mengenai apa pun yang kita ambil dari segi pendirian dan sikap," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas perkembangan siasatan KKM terhadap aduan mengenai kualiti kain kurang baik yang dibekalkan sebuah syarikat untuk pakai seragam jururawat bernilai lebih RM98.3 juta.

KKM sudah menghantar sampel kain yang dikatakan tidak mematuhi spesifikasi kepada Jabatan Kimia untuk dianalisis.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA



DZULKEFLY (kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir yang berlindung di PPS MRSM Tumpat semalam.

Fasiliti perubatan RM6.5 juta terjejas banjir

TUMPAT – Kementerian Kesihatan (KKM) mengalami kerugian hampir RM6.5 juta, akibat kerosakan fasiliti perubatan semasa banjir gelombang kedua melanda Kelantan dan Terengganu baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kerugian RM4 juta membabitkan kerosakan 77 fasiliti berlaku di Kelantan, manakala di Terengganu pula sebanyak 30 fasiliti dengan kerugian bernilai RM2.5 juta.

Katanya, fasiliti yang terjejas di Kelantan termasuk Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), hospital, klinik kesihatan, klinik pergigian, klinik desa.

"Ia melibatkan tiga buah PKD, hospital (3), klinik kesihatan (26), klinik desa (31), klinik pergigian

(13) dan satu di pintu masuk antarabangsa (PMA) Rantau Panjang.

"Daripada jumlah itu, tiga fasiliti tenggelam banjir dan tidak dapat beroperasi ketika banjir melanda," katanya ketika ditemui pemberita selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tumpat, Pengkalan Kubor di sini semalam.

Dzulkefly berkata, selain Kelantan, fasiliti yang terjejas banjir turut direkodkan di Kedah sebanyak sembilan fasiliti, Negeri Sembilan (2), Pahang (2), dan Perak (1).

Jelasnya, jumlah keseluruhan fasiliti terjejas akibat banjir di seluruh negara yang direkodkan adalah sebanyak 121 buah.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Sultan Nazrin rasmi Sambutan Jubli Emas Hospital Fatimah



SULTAN NAZRIN dan Tuanku Zara Salim berkenan melawat pameran pada Majlis Sambutan Jubli Emas Hospital Fatimah di Ipoh semalam.

IPOH – Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat bagi menyempurnakan Majlis Sambutan Jubli Emas Hospital Fatimah Ipoh di sini yang telah beroperasi sejak tahun 1974.

Keberangkatan baginda ke hospital tersebut diiringi oleh Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Turut hadir Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad serta kepimpinan negeri.

Hospital Fatimah ialah hospital swasta yang terletak di kawasan Ipoh Garden, kira-kira tiga kilometer dari Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh.

Pengerusi Lembaga Pengarah Hospital Fatimah, Datuk Michael Cheah dalam sembah ucapan-

nya berkata, pihaknya gembira dengan kehadiran baginda sebagai tanda pengiktirafan terhadap perkhidmatan dan komitmen kakitangannya.

"Pembukaan Hospital Fatimah ini telah disempurnakan perasmianya pada tahun 1974 oleh Almarhum Sultan Idris Shah. Pada hari ini, keberangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku adalah tanda pengiktirafan terhadap perkhidmatan dan komitmen tinggi para doktor, jururawat dan kakitangan hospital yang berdedikasi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perubatan Hospital Fatimah, Dr. Liaw Kok Toon berkata, hospital itu mempunyai 236 unit katil dengan kekuatan 641 staf daripada kesemua kategori.

Tambahnya, Hospital Fatimah turut menyediakan hampir 30 perkhidmatan kepakaran dan subkepakaran kesihatan serta pelbagai perkhidmatan pembedahan dan kemudahan rawatan kesihatan yang lain.

Menurutnya lagi, sejarah Hospital Fatimah bermula pada tahun 1952 apabila Brothers of Mercy tiba di Semenanjung Tanah Melayu dan kemudian menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk daerah Kinta dengan masyarakat tempatan memanggil mereka 'Doktor Jerman'.

Dalam majlis sambutan itu juga, Sultan Nazrin berkenan menandatangani plak bagi meraikan lima dekad perkhidmatan hospital tersebut.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Banjir: Kementerian Kesihatan tanggung rugi RM6.5j

TUMPAT: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menganggarkan jumlah kerugian akibat kerosakan fasilitinya akibat banjir yang melanda di Kelantan dan Terengganu bernilai RM6.5 juta.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, di Kelantan kerugian bernilai RM4 juta membabitkan kerosakan 77 fasiliti manakala di Terengganu sebanyak 30 fasiliti dengan kerugian RM2.5 juta.

Katanya, fasiliti yang terjejas di Kelantan termasuk pejabat kesihatan daerah (PKD), hospital, klinik kesihatan, klinik pergigian dan klinik desa.

"Tiganya adalah PKD, tiga lagi hospital, 26 klinik kesihatan, 31 klinik desa, 13 klinik pergigian serta satunya di pintu masuk antarabangsa (PMA) Rantau Panjang.

"Daripada jumlah itu, tiga fasiliti tenggelam banjir dan tidak dapat beroperasi ketika banjir melanda," katanya selepas melawat mangsa banjir di



DZULKEFLY Ahmad (kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di PPS Maktab Rendah Sains Mara (MRSMS) Tumpat di Pengkalan Kubor, Kelantan. - MINGGUAN/ROHANA ISMAIL

pusat pemindahan banjir (PPS) Maktab Rendah Sains Mara (MRSMS) Tumpat di Pengkalan Kubor, di sini semalam.

Dr. Dzulkefly berkata, selain Kelantan, fasiliti yang terjejas banjir turut direkodkan di Kedah sebanyak sembilan fasiliti, Negeri Sembilan dan Pahang

masing-masing dua dan Perak sebuah.

"Jumlah keseluruhan fasiliti terjejas banjir seluruh negara yang direkodkan sebanyak 121 buah," katanya.

Sementara itu, beliau memberitahu, sejumlah 10, 272 kes penyakit berjangkit dikesan di

enam negeri terjejas banjir.

Katanya, penyakit yang dilaporkan adalah 6,730 kes Acute Respiratory Infection (ARI), jangkitan kulit (3,021 kes) Acute Gastroenteritis (298 kes), Konjunktivitis (190 kes), Chicken Pox (20 kes) dan Hand Foot and Mouth Disease (HFMD) (13 kes) yang dikesan sehingga semalam.

Katanya, kesemua kes penyakit berjangkit adalah sporadik dan stabil.

"Tiada wabak penyakit dilaporkan di pusat pemindahan banjir (PPS).

"PPS tersebut adalah di Kelantan, Terengganu, Perak, Kedah, Negeri Sembilan dan Pahang," katanya.

Mengulas lanjut, Dzulkefly memberitahu, orang ramai perlu peka dengan arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa dan sentiasa mengambil langkah-langkah penjagaan kesihatan sendiri bagi mencegah penularan penyakit berjangkit.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

Syarikat insurans didakwa buat keputusan sendiri

'Pihak atasan arah naikkan premium'

Oleh NAZIM SYAZWI
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Persatuan Pengguna Kedah (Cake) mendakwa arahan menaikkan kadar premium insurans perubatan dilakukan oleh pihak atasan syarikat terbabit tanpa pengetahuan Bank Negara Malaysia (BNM).

Ini sekali gus menggambarkan ada sesetengah syarikat insurans mengambil kesempatan dan membelakangi arahan kerajaan dan BNM yang bertindak sebagai pembuat keputusan berhubung isu berkenaan.

Menurut Presiden Cake, Mohd. Yusrizal Yusoff, beliau ada menghubungi beberapa syarikat insurans bertanyakan isu kenaikan kadar premium yang hangat diperkatakan ketika ini.

Beliau diberitahu, arahan untuk menaikkan kadar premium itu bukanlah dari BNM tetapi oleh pihak atasan syarikat insurans.

"Menaikkan kadar premium insurans tanpa penglibatan dan kata putus dari BNM khususnya boleh menyebabkan sesebuah syarikat insurans itu dikenakan tindakan undang-undang, sekali gus menjejaskan industri insurans di negara ini.

"Kita minta industri lebih beretika dan tidak membelakangi kerajaan dengan menaikkan kadar

sebagai usaha memonopoli kewangan pengguna.

"Perkara ini tidak patut berlaku dalam negara kita kerana ia memberi kesan besar kepada rakyat. Bincang dulu dengan kerajaan, jangan uar-uarkan perkara yang belum pasti dan sudah tentu hanya menguntungkan pihak tertentu," katanya kepada Mingguan Malaysia.

Semalam, akhbar melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, BNM sedang memuktamadkan perkara itu selepas perbincangan bagi menetapkan kenaikan premium itu dirunding semula.

Rabu lalu, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying memaklumkan, Kementerian Kewangan dalam proses rundingan dengan pihak berkaitan berhubung kenaikan premium insurans perubatan antara 40 dan 70 peratus pada tahun depan.

Hui Ying dilaporkan berkata, BNM masih berunding bagi mengatasi isu berkenaan.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Seri Dr. Jacob George berkata, sebarang kenaikan premium insurans perlu melalui perbincangan telus dengan kementerian berkaitan sebagai sebahagian daripada Prosedur Operasi Standard (SOP).

Katanya, jika isu itu berlanjutan, ramai pengguna berpendapatan sederhana dan rendah akan beralih ke hospital kerajaan dan membebaskan ekosistem kesihatan yang sudah kekurangan dana dan kakitangan melainkan ada intervensi daripada BNM atau kerajaan.

"Bagaimana sebuah organisasi boleh mengeluarkan kenyataan drastik yang memberi impak besar kepada pengguna, sehingga menimbulkan kecaman dan kemarahan rakyat sebagai pengguna?

"Sudah tiba masa juga kerajaan meneliti akta berkenaan kos dan undang-undang melibatkan hospital swasta. Kita ada undang-undang Private Health Care Facilities and Services Act yang boleh dirujuk," katanya.

Mengulas lanjut, Jacob berkata, kerajaan mungkin boleh menghentikan pemberian lesen baharu kepada syarikat insurans sehingga langkah pembaikan dilaksanakan bagi melindungi pengguna.

Menurutnya, kenaikan premium tanpa justifikasi yang kukuh membebaskan rakyat, terutama golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

"Sektor kesihatan perlu fokus kepada kebajikan pengguna, bukan kejar keuntungan sehingga menindas rakyat," katanya.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

la diikuti
penyakit kulit,
gastroenteritis
akut, konjunktivitis,
chickenpox dan
HFMD

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN
TUMPAT

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menedahkan masalah pernafasan merupakan kes kesihatan paling tinggi dihadapi oleh mangsa banjir apabila 6,730 kes telah direkodkan sehingga Jumaat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ia diikuti penyakit kulit 3,021 kes, gastroenteritis akut (AGE) (298), konjunktivitis (190), *chickenpox* (20) serta penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) (13).

"Tiada wabak penyakit berjangkit dilaporkan di PPS (pusat pemindahan sementara). Kesemua kes penyakit berjangkit adalah sporadik dan stabil," katanya semasa sidang akhbar di sini pada Sabtu.

Beliau sebelum itu menyantuni mangsa banjir yang berada di PPS Maktab Rendah Sains Mara (MRSRM) Tumpat di sini.

Dalam perkembangan sama,

Dr Dzulkefly menyantuni kanak-kanak yang ditempatkan di PPS MRSRM Tumpat pada Sabtu.



Dr Dzulkefly berkata, pihak KKM telah menggerakkan pasukan Rapid Assessment Team (RAT) dan pasukan Rapid Response Team (RRT) di setiap negeri terjejas banjir bagi memberi perkhidmatan kesihatan kepada mereka di PPS.

Menurutnya, sebanyak 119 pasukan RAT dan 109 pasukan

RRT telah memberikan perkhidmatan kesihatan kepada 21,032 mangsa banjir di kesemua 89 PPS.

Jelas beliau, keadaan banjir semakin pulih dengan penurunan jumlah mangsa banjir seramai 10,642 orang kepada 10,390 mangsa ditempatkan di 61 PPS berbanding hari sebelumnya.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, sebanyak 121 fasiliti kesihatan terjejas di seluruh negara melibatkan kerugian berjumlah RM6.5 juta akibat banjir yang melanda beberapa negeri sebelum ini.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, Kelantan merekodkan jumlah kerosakan tertinggi me-

JUMLAH FASILITI
KESIHATAN TERJEJAS
BANJIR MENGIKUT NEGERI

Kelantan	77
Terengganu	30
Kedah	9
Negeri Sembilan	2
Pahang	2
Perak	1

libatkan 77 buah fasiliti, diikuti Terengganu (30) dan Kedah (9).

"Negeri-negeri lain yang turut terjejas ialah Negeri Sembilan dan Pahang yang merekodkan dua fasiliti, manakala satu di Pahang," katanya.

Tambah beliau, antara fasiliti yang mengalami kerosakan ialah klinik desa, klinik kesihatan, klinik pergigian, pejabat kesihatan daerah dan pintu masuk antara-bangsa.

"Daripada 121 buah fasiliti itu, sebanyak 56 adalah klinik desa yang teruk terjejas dengan musibah banjir," katanya.

>> LAGI BERITA
DI MUKA 30 & 31

Masalah pernafasan paling tinggi dihadapi mangsa banjir

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

KKM tunggu hasil siasatan
sebelum buat keputusan

Oleh HAZELI LIANA KAMARUDIN
TUMPAT

Panel bebas siasat kes dokter dipukul

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyerahkan kepada Pasukan Petugas Khas bebas diketuai bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Borhan Dollah untuk menyiasat secara menyeluruh dan sistematik berhubung kes pembantu pegawai perubatan (MA) memukul doktor yang berlaku di Hospital Gerik, Perak.

Pada masa sama, sebuah jawatan kuasa siasatan khas juga ditubuhkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak untuk menyiasat kembali insiden tersebut.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kes tersebut tidak boleh dipandang ringan dan KKM turut menunggu hasil siasatan yang di-

lakukan oleh polis untuk diteliti sebelum mengambil sebarang keputusan.

"Kes sebegini jarang berlaku dan ia sama sekali tidak menjejaskan imej KKM," katanya semasa sidang akhbar di sini pada Sabtu.

Beliau sebelum itu menyantuni mangsa banjir yang berada di Pusat Pemindahan Sementara Maktab Rendah Sains Mara Tumpat.

Mengulas lanjut beliau berkata, siasatan kes tersebut masih berjalan dan semua pihak diminta supaya tidak



DR DZULKEFLY

membuat sebarang andaian berkaitan perkara tersebut yang dibimbangkan boleh mengganggu siasatan.

JKN Perak pada 31 Julai lalu telah mengeluarkan surat teguran kepada seorang pembantu pegawai perubatan yang didakwa memukul seorang doktor lelaki dalam kejadian di Hospital Gerik, Jun lalu.

Dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly berkata, KKM masih menunggu laporan terperinci berkaitan isu paku seragam jururawat tidak

berkualiti sebelum mengambil sebarang tindakan diambil.

"Kita masih lagi menunggu dapatan (siasatan), sedikit masa lagi KKM akan dapat memberikan respons berhubung perkara ini.

"Buat masa ini, tidak boleh mengambil tindakan selagi belum ada keputusan secara tuntas," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Kesatuan Jururawat Malaya (MNU) mengakui menerima maklum balas mengenai kain yang dibekalkan untuk pakaian seragam jururawat sedikit keras serta tidak selesa dipakai ketika bekerja, pada 23 Oktober lalu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS/ NATION



JUBILEE CELEBRATION

Sultan of Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah gracing the Golden Jubilee Celebration of Hospital Fatimah in Ipoh, yesterday. Accompanying him is Raja Permaisuri of Perak, Tuanku Zara Salim. Also present are Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad (right), Hospital Fatimah's board chairman Datuk Michael Cheah (left) and medical director Dr Liaw Kok Toon. Sultan Nazrin officially launched the celebration and signed a commemorative plaque before touring an exhibition held at the hospital. BERNAMA PIC

ATTACKED BY ASSISTANT MEDICAL OFFICER

Dzulkefly: Don't dismiss assault on doctor

TUMPAT: Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad stressed that the alleged assault on a doctor by a medical assistant at Gerik Hospital must not be taken lightly.

"This does not tarnish the image of the healthcare service, as such cases do not occur regularly. But we must not dismiss it," he said at a press conference after visiting the MRSM Tumpat temporary relief centre, here.

Dzulkefly said the Health Ministry would determine the next step once the authorities had completed their probe.

"Once the findings are reviewed, we will establish our own investigation panel, just as there is already an independent panel chaired by (former Public Services director-general) Tan Sri Borhan Dolah."

On Friday, the Perak Health Department said a committee was established to investigate

claims that a male doctor was assaulted by a male medical assistant at Gerik Hospital in June.

Perak Health director Dr Feisul Idzwan Mustapha said the committee was established on June 4, the same day the doctor lodged a complaint.

The investigation on June 12 substantiated the claim.

The Gerik Hospital director issued a reprimand letter to the officer involved on July 31, and a letter notifying the complainant of the internal investigation's findings was sent on Aug 1.

On Monday, Dr Aidid Nawawi Ghazali alleged on Facebook that he was attacked by an assistant medical officer.

He claimed he was treating a female patient who was injured in an assault and had parts of her body exposed, when the assistant medical officer — referred to as "Mr H" — entered the treatment room. Mr H was not with the

emergency team but claimed to know the patient from secondary school.

The doctor said he politely escorted Mr H out and told him he had no reason to be there as he was not related to the patient.

"Not long after, Mr H re-entered the treatment room while a police officer was taking the patient's statement.

"I reminded him that he could not be there. However, Mr H then struck me seven times on the back and twice on the back of my head.

"My colleagues and the police officer just stood there. Mr H left as if nothing had happened."

Dr Aidid expressed dissatisfaction with the investigation's outcome, alleging that the perpetrator faced no consequences, issued no apology and continued working as usual, while he remained traumatised by the incident.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

Health scares at shelters

Over 10,000 cases of waterborne diseases recorded

TUMPAT: The Health Ministry has recorded 10,272 cases of waterborne diseases at temporary relief centres (PPS) in Kelantan, Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang and Perak, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The Health Minister said the cases recorded as of Friday included 6,730 acute respiratory infections, 3,021 skin infections, 298 acute gastroenteritis cases, conjunctivitis (190), chickenpox (20), as well as hand, foot and mouth disease (13).

He said all reported infectious disease cases at the PPS were sporadic and under control.

"The public must remain attentive to directives from authorities and take personal health precautions to prevent the spread of infectious diseases, accidents and injuries.

"Individuals are also urged to seek immediate treatment from medical teams at the PPS or the nearest healthcare facility and avoid delaying treatment," he told a press conference after visiting the PPS at Maktab Rendah Sains Mara here yesterday, Bernama reported.

Dzulkefly also said 121 healthcare facilities had been affected by the floods, with 77 in Kelantan, 30 in Terengganu, nine in Kedah, two each in Negeri Sembilan and Pahang, as well as one in Perak.

He said they comprised 56 rural clinics, 34 health clinics, 19 dental clinics, five district health offices, six hospitals and one at an international entry point.

"Currently, 87 healthcare facilities are operational, while 31 have moved their services to alternative facilities.

"Only three facilities are non-operational as they are still being cleaned. The public can still



House call: Dzulkefly (centre) mingling with young flood victims at the Maktab Rendah Sains Mara PPS in Tumpat. — Bernama

access healthcare services at these facilities, including alternative facilities.

"The ministry will ensure appropriate preventive and control measures are in place to provide uninterrupted and efficient healthcare services," he said.

On a separate matter, Dzulkefly said allegations of a doctor being assaulted by an assistant medical officer at a hospital in Perak are being taken seriously, with a thorough investigation underway.

He said it is an isolated case and does not tarnish the overall image of the healthcare system.

"The case is still under police investigation, and the Health Ministry will decide on appropriate action once the investigative process is completed.

"To ensure transparency, the ministry has also established an

independent investigation panel led by former public services director-general Tan Sri Borhan Dollah," he told a press conference after visiting the temporary relief centre at Maktab Rendah Sains Mara Tumpat.

Dzulkefly also urged the public to refrain from speculating on the matter as this could interfere with the ongoing investigation.

Yesterday, the Perak Health Department issued a letter of reprimand to a medical officer accused of assaulting a male doctor during an incident in June at a hospital in Perak.

Its director Dr Feisul Idzwan Mustapha said the letter was sent to the officer on July 31 following the completion of an internal investigation.

Meanwhile, on complaints about the quality of nurses' uni-

forms, Dzulkefly said the ministry is awaiting a detailed report before taking action.

"The ministry is still investigating the issue and needs time to review the findings before making any decision," he said.

On Oct 23, the Malayan Nurses Union acknowledged receiving complaints about the fabric used for nurses' uniforms, which some described as stiff and uncomfortable for work.

Union president Saaidah Athuman confirmed the feedback but declined to comment on allegations that the fabric resembled shroud material.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

